

## PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019  
MEDIA : SINAR HARIAN  
(PART 1)  
SECTION : N/A  
PAGE : COVER PAGE  
COLOUR : FULL COLOUR  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED



# DIVIDEN LTAT HANYA 2 PERATUS

**Pengumuman dividen sebanyak dua peratus sahaja oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk tahun kewangan 2018 semalam menimbulkan banyak persoalan dalam kalangan pencarum LTAT**

A large red 3D-style downward-pointing arrow graphic on the left side of the headline.The logo of the Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), which consists of three stylized, overlapping blue and red swooshes forming a triangular shape, enclosed in a yellow diamond border.

**“Malangnya, apabila kami melantik Ernst & Young untuk menjalankan audit, kami mendapati ada percanggahan tetapi ia bukan jenayah tetapi disebabkan oleh salah pengurusan yang berlaku.”**

Kata Pengurus LTAT, Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin pada sidang media di Kuala Lumpur semalam.

## PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019  
MEDIA : SINAR HARIAN  
(PART 2)  
SECTION : PENGUMUMAN DIVIDEN  
LTAT 2018  
PAGE : 3  
COLOUR : FULL COLOUR  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED



# Jatuh daripada 12 kepada 2 peratus

Kiraan dibuat berdasarkan hasil diraih bagi tahun kewangan 2018

KUALA LUMPUR

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) semalam mengumumkan dividen sebanyak 2.0 peratus bagi ahlinya untuk tahun kewangan 2018 berakhir 31 Disember 2018.

Bercakap pada sidang akhbar di sini, Ketua Eksekutif LTAT, Nik Amalizan Mohamed berkata, dividen itu berdasarkan hasil yang diraih bagi tahun berakhir 2018 (FY18) walaupun

mencatat kemasrosotan ketara sebanyak 51.9 peratus kepada RM221.0 juta.

"Kemasrosotan ketara bagi FY18 itu adalah disebabkan oleh pelbagai faktor yang melibatkan dua tahun kewangan sebelumnya," katanya.

Pada FY17, LTAT mencatatkan keuntungan terkumpul sebanyak RM38.7 juta berbanding kerugian terkumpul RM170.8 juta bagi FY16.

Beliau berkata, perakuan pendapatan semula sebanyak RM238.8 juta pada FY16 daripada dua transaksi jualan tanah yang belum selisih telah menyebabkan keperluan untuk penyataan semula pendapatan LTAT bagi FY16 daripada RM595 juta kepada



Pengerusi LTAT, Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin (kiri) dan Nik Amalizan pada sidang akhbar pengumuman dividen LTAT Tahun Kewangan 2018 di Kuala Lumpur semalam.

RM356.2 juta.

Selain itu, tindakan membuat perakuan awal sebanyak RM202.7 juta membabitkan dua lagi transaksi jualan tanah be-

lum selesai pada FY17 juga menyebabkan penyataan semula pendapatan bagi FY17 daripada RM662.2 juta kepada RM459.5 juta.

"Selain itu berlaku di-

viden terlebih bayar bagi FY16 dan FY17 yang memberi kesan terhadap pendapatan dan menyaksikan kemasrosotan secara ketara daripada RM384.7

juta kepada RM65.9 juta pada FY16.

"Pendapatan terkumpul bagi FY17 turus susut kepada kerugian terkumpul sebanyak RM170.8 juta daripada pendapatan terkumpul positif sebanyak RM65.9 juta sebelum ini," katanya.

Ditanya sama ada LTAT merancang untuk melepaskan sebarang aset pentingnya bagi meningkatkan aliran tunai, beliau berkata perkara itu masih terlalu awal untuk diputuskan atas alasan sebarang keputusan yang dialami perlu menitikberatkan kepentingan para ahlinya.

Setakat 31 Disember 2018 aset di bawah pengurusan LTAT adalah berjumlah RM9.4 bilion. - Bernama

## Tiada elemen jenayah dalam kepincangan kewangan LTAT

KUALA LUMPUR - Tiada elemen jenayah ditemui dalam kepincangan kedudukan kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tenteras (LTAT) bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 (FY2018).

Pengerusinya, Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin menegaskan kepincangan yang ditemui dalam transaksi lepas adalah disebabkan oleh salah pengurusan oleh pengurusan terdahulu yang telah tidak diambil kira dengan betul.

"Dalam perincangan kami, ia merupakan salah pengurusan dan salah pengurusan itu telah diambil kira dengan betul.

"Malangnya, apabila kami melantik Ernst & Young untuk menjalankan audit, kami mendapati adu percanggahan tetapi ia bukan jenayah tetapi disebabkan oleh salah pengurusan yang berlaku," katanya pada sidang akhbar selepas mengumumkan prestasi FY 2018.

LTAT telah mendapat beberapa kepincangan dalam transaksi pada masa lepas oleh pihak lembaga, selain kelemahan dalam bidang operasi, pera-



Pihak pengurusan LTAT akan membuat laporan polis sekiranya mengesan elemen jenayah dalam kepincangan kewangan badan berkanan berkenaan.

kaunan dan perundangan.

Kepincangan dan kelemahan itu berlaku semasa di bawah kepimpinan terdahulu iaitu Tan Sri Lodin Wok Kamarudin selaku Ketua Eksekutif LTAT sehingga 7 September 2018.

Berikut penilaian daripada firma perakaunan Ernst & Young pada Februari 2019, pemenuhan utama termasuk pendapatan terkumpul telah terkesan oleh terlebih bayaran dividen, penyataan semula aset LTAT antara 2015 dan 2017,

tidak dilaksanakan dengan baik seperti ditetapkan dan aset hartanah tidak dijual.

Mohd Zahidi mengambil perhatian bahawa pengurusan ketika itu komited untuk mempertkuuhkan LTAT demi mas depannya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif LTAT, Nik Amalizan Mohamed berkata, perjumpaan dengan Persatuan Patriot Kebangsaan (PATRIOT) akan diadakan dalam waktu terdekat untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai usaha

untuk menambah baik LTAT.

Beliau turut ditanya mengenai gesa PATRIOT supaya LTAT menjalankan siasatan lanjut berhubung beberapa ketidakpatuhan dan kelemahan tadbir urus kewangan.

"Bagi kami, perkara paling penting adalah untuk memandang ke hadapan kerana kini merupakan waktu yang mencabar bagi mendapatkan pulangan baik untuk anggota tentera kami (pemegang saham)," kata Nik Amalizan.

Bagaimanapun, beliau berkata LTAT akan membuat laporan polis sekiranya mereka kemudiannya mendapati ada elemen jenayah.

"Masih terlalu awal untuk berbuat demikian," katanya dan menurutnya LTAT juga tiada cadangan untuk memaklumkan laporan EY kepada umum.

Selaras dengan pelan transformasi dan sebagai sebahagian inisiatif peruntukan aset strategik untuk meningkatkan portfolio pelaburannya, LTAT sedang mengkaji untuk mengurangkan tumpuan terhadap beberapa pelaburan dalam syarikat senaraian awam. - Bernama

## Dividen Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)



INFOGRAPHIC: SINAR HARIAN/EPC

## PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019  
MEDIA : SINAR HARIAN  
(PART 3)  
SECTION : PENGUMUMAN DIVIDEN  
LTAT 2018  
PAGE : 6  
COLOUR : FULL COLOUR  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

6 SELASA 1 OKTOBER 2019 • SINAR HARIAN

# Struktur semula portfolio LTAT

**Untuk meningkatkan semula nilai aset di bawah LTAT**

KUALA LUMPUR

**K**etua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Nik Amlizan Mohamed merancang untuk menyusun semula portfolio pelaburan badan itu bagi meningkatkan nilai aset dimilikinya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan secara khusus aset yang sedang dipertimbangkan piakhnya.

"Kami akan kaji semula rosot nilai kami dan pada masa ini, kami telah lantik seorang Ketua Pegawai Pelaburan untuk meny-

lia pelaburan pada masa depan. Jawatan itu baru diwujudkan yang tidak ada sebelum ini," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Nik Amlizan berkata, LTAT juga akan mengeluarkan pernyataan minat risiko yang akan menjadikan asas bagi peruntukan aset strategiknya.

Ditanya mengenai pemegang saham LTAT dalam Boustead Holdings Bhd, beliau berkata, LTAT mungkin menambah atau mengurangkannya tetapi bukan pada waktu ini.

Boustead mempunyai potensi besar tetapi pegangan kami dalam syarikat itu terlalu banyak, ia bukan amalan terbaik," katanya.

LTAT ialah pemegang saham majoriti dalam Boustead dengan kira-kira 69.6 peratus pegangan.

Sekat ini, portfolio pelaburan LTAT terdiri daripada

10 peratus dalam pembangunan hartanah, pelaburan hartanah (lima peratus), ekuiti tidak tersenarai (17 peratus), syarikat tersenarai (60 peratus) dan kumpulan syarikat-syarikat (apan peratus).

Sehingga 31 Disember 2018, LTAT mempunyai aset di bawah pengurusan berjumlah RM9.4 billion.

Dalam mempelbagaikan pelaburannya yang 100 peratus dalam negara, Nik Amlizan berkata, LTAT terbuka untuk menyertai landskap pelaburan asing.

"Kami memerlukan rangka kerja dan orang yang sesuai terlebih dahulu. Mungkin tahun depan, kami akan menimbangkannya. Buat masa ini, kami merancang untuk meningkatkan pelaburan LTAT dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia," katanya.

- Bernama

**Nik Amlizan (kanan) dan Pengurus LTAT, Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.**



## 'Tidak pernah berlaku dalam sejarah LTAT'

**SHAH ALAM** - Bekas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein mendakwa, kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu perlu 'memelihara' hakikat bahawa mereka gagal mengurus Kementerian Pertahanan dengan baik susulan pengumuman dividen Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) paling rendah.

Beliau menyifatkan tidak pernah berlaku dalam sejarah apabila LTAT mengumumkan dividen terlalu lambat dan paling rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Tak pernah lagi dalam sejarah LTAT, dividen diumum lewat berbulan-bulan. Sampai-sampai nak masuk Oktober baru umum."

"Sudahlah lewat umum, dividen pula cuma dua peratus terendah sejak 1973," katanya dalam kenyataan di Facebooknya semalam.

Terdahulu, LTAT mengisyartkan dividen sebanyak dua peratus bagi tahun kewangan 2018.

Dalam pada itu, Hishammuddin juga mempersoalkan sama ada Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat, Rafizi Ramli yang sebelum ini sering menghentam



NAJIB



HISHAMMUDIN

LTAT akan berdiagram diri dengan pengumuman dividen terbaru berkenaan.

"Tahun 2016 dulu, apabila kita umum dividen 12 peratus bagi tahun kewangan 2015, Rafizi melenting sampai hendak buat analisis kewangan serta bawa LTAT ke mahkamah."

"Sekarang agak-agak beliau hendak buat apa pulya? Ke diai serbu bahasa je?" katanya sinis.

Hishammuddin berkata, PH harus berhenti menyalahkan kerajaan terhadap kerajaan selepas ia menang Pilihan Raya Umum ke-14 tahun lepas, di atas terbesar LTAT, iaitu Boustead dan Affin Bank mengalami kejatuhan nilai saham teruk.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Datuk

Seri Najib Razak turut meraikan dividen dua peratus LTAT bagi 2018 berpunca daripada masalah ketika pentadbirannya.

Beliau berkata, kerajaan PH 'malu' untuk menyatakan sebab utama di sebalik kemerosotan pendapatan besar LTAT bagi tahun kewangan 2018.

"Seperti biasa pelbagai alasan diberi, termasuk cubaan untuk menyalahkan kerajaan BN dahulu."

"Tapi apa yang mereka tidak sebut ialah kebanyak-an pelaburan besar LTAT mencatat kerugian kerana ekonomi semakin merosot selepas PRU ke-14 dan pa-

rasan saham negara bertukar menjadi paling corot di dunia di bawah PH," dakkannya juga dalam satu hantaran Facebook semalam.

## Ahli LTAT kecewa dapat dividen paling rendah

**SHAH ALAM** - Ahli-ahli yang mencarum dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) melahirkan rasa kecewa terhadap pemberian dividen yang kecil semalam.

Menurut seorang daripada ahli LTAT yang enggan dikenali, mereka boleh menerima jika jumlah diumumkan itu sedikit berbanding tahun lalu.

Bagaimanapun, jumlah dividen jauh lebih rendah itu tidak boleh diterima dan menimbulkan pelbagai persoalan.

"Bagaimana koperasi tentera boleh memberikan dividen yang lebih tinggi sedangkan LTAT adalah sebuah entiti perniagaan yang mempunyai aset jauh

lebih besar dan bernilai tinggi tetapi gagal memberikan dividen yang besar," soalnya di sini semalam.

Seorang lagi ahli LTAT berkata, aset yang bernilai tinggi milik tabung tersebut dibaritkan sebagai 'lubuk duit'.

"Kami melihat seolah-olah LTAT akan miflis dan bimbang dengan masa depan kami. Duit itu penting untuk menjaga kebajikan kami," ujarnya.

Jelasnya, rata-rata pencarum dalam LTAT terdiri daripada anggota tentera lain-lain pangkat yang diwajibkan mencarum dalam tabung tersebut.

"Kami berharap LTAT dijaga dengan penuh tanggungjawab," tegnasnya.